

Metodologi Pentafsiran Ibn Badran Dalam Karyanya "*Jawahir Al-Afkar Wa Ma'adin Al-Asrar*"

AHMAD YUNUS MOHD NOOR¹ & ASMILYIA MOHD MOKHTAR²

Abstrak

*Ibn Badran dianggap sebagai salah satu Mufassir dan ulama Islam terkemuka di dunia Islam tradisional. Beliau telah menghasilkan banyak sumber intelektual secara komprehensif. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis metodologi Ibn Badran dalam pentafsiran al-Quran. Ia dikaji dari pemahamannya yang luas dan pemahaman tentang prinsip dan asasnya. Pemahaman yang penting tentang prinsip tafsiran telah dibincangkan secara analitik di dalam karyanya; *Jawahir Al-Afkar Wa Ma'adin Al-Asrar*. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa perbincangan Ibn Badran tentang pentafsiran al-Quran kurang relevan dengan amalan kontemporari dan konteks moden Islam kerana ia terdiri daripada pentafsiran dua surah sahaja iaitu surah al-Fatihah dan surah al-Baqarah. Bagaimanapun, ia menetapkan rangka kerja dan metodologi penting ke arah pembaharuan penafsiran saintifik, dan memberi keutamaan kepada tafsir bi al-Ma'thur daripada tafsir bi al-Ra'yy.*

Kata kunci: *Ibn Badran, Tafsir, Metodologi, Jawahir al-Afkar wa Ma'adin al-Asrar.*

Abstract

*Ibn Badran is considered as one of the prominent Muslim exegetes and scholars in traditional Muslims world. He has produced a numerous intellectual sources comprehensively. This paper aims to analyze Ibn Badran's methodology in dealing with Quranic exegesis. This was investigated from his thoughtful and broad understanding of its principle and underlying purpose. The essential understanding of the principle of exegesis was analytically discussed in his magnum opus; *Jawahir Al-Afkar Wa Ma'adin Al-Asrar*. The finding shows that Ibn Badran's discussion on exegesis emphasized on less relevance to contemporary practice and modern context of Islam as it consists of only two chapters of exegesis i.e. sura al-Fatihah and sura al-Baqarah. However, it set forth important framework and methodology towards reforming scientific exegesis, and giving priority to the tafsir bi al-Ma'thur instead of tafsir bi al-Ra'yy.*

Keywords: *Ibn Badran, Exegesis, Methodology, Jawahir al-Afkar wa Ma'adin al-Asrar.*

Pengenalan Tafsir Badran³

Berdasarkan kajian kami bolehlah disimpulkan bahawa tafsir Badran ini mempunyai 1 jilid dan tajuk lengkap bagi tafsir ini ialah *Jawahir al-Afkar wa Ma'adin al-Asrar al-Mustakhrajah min Kalami al-'Aziz al-Jabbar*. Cetakan pertama pada tahun 1999M-1420H dan ditulis semula oleh Zuhair al-Syawish. Tafsir ini mempunyai Mukaddimah Tafsir Badran oleh al-Syeikh Zuhair al-Syawish, Terjemah Muallif Syeikh Abdul Qadir Bin Ahmad Badran al-Dumi al-Dimasyqi, Terjemah Syeikh Abdul Qadir Badran dan tulisan tangan Tafsir Syeikh Abdul Qadir. Tulisan tangan Syeikh

¹ Senior Lecturer (Ph.D), Center for Akidah & Global Peace, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia. Email: a_yunus@ukm.edu.my

² Quranic Language Department, CELPAD, International Islamic University of Malaysia, CFS, Kuantan, Malaysia. Email: asmilyia@iiu.edu.my

³ Ibn Badran, Syeikh Abdul Qadir bin Ahmad Badran. 1420H/1999, hlm. 25-27.

Badran di susun pada muka surat 31-32; permulaan tafsir surah al-Fatihah, kemudian muka surat 365-366 pada pertengahan surah al-Baqarah ayat 135, dan muka surat 527-529 pada akhir ayat iaitu ayat 189. Tulisan tangan ini bercampur (di taip semula) dengan penulisan beliau dalam mentafsirkan surah al-Fatihah (ayat 1-7) dan surah al-Baqarah (ayat 1-189).

Namun, telah dinyatakan dalam *muqaddimah* tafsir Badran pernyataan tersebut seperti berikut:

وتفسيره هذا! وإن لم يكتمل، فقد جمع فيما فسر مهمات مسائل التفسير التي يحتاجها الناس - هذه الأيام - فقد فسر الفاتحة، ووصل إلى الآية 189 من سورة البقرة⁴... وهذا التفسير بلغ فيه مؤلفة إلى تفسير الآية (189) من سورة البقرة ثم انقطع الذي عندنا، ونسأل الله أن نجد ما تبقى منه - إن كان موجودا⁵.

Oleh itu, dapatlah di fahami bahawa kitab tafsir ini hanya mengandungi surah al-Fatihah dan bersambung hingga ayat ke 189 surah al-Baqarah.

Kajian Terhadap Tafsir Badran

Terdapat beberapa kajian ilmiah terhadap tafsir Badran yang telah dikaji oleh sarjana Islam antara kajiannya yang bertajuk *Madkhal Ila Dirasati Tafsir Ibn Badran Jawahir al-Afkar wa Ma'adin al-Asrar* dan *Manhaj Ibn Badran Fi Tafsirih Jawahir al-Afkar wa Ma'adin al-Asrar* oleh Dr. 'Adil Bin 'Ali Al-Syiddi 2010M/1431H. Kedua-dua buku ini pengarang mengkaji secara ringkas tentang biografi, sumber rujukan, dan manhaj dalam tafsir Ibn Badran.

Menurut al-Syiddi (2010) beliau menggunakan Bahasa yang mudah untuk difahami dan meringkaskan apa yang terdapat dalam tafsir Badran dengan lebih jelas. Selain itu, pengarang juga mempunyai 116 buah kitab yang dirujuk untuk menyempurnakan kajian beliau. Kedua-dua buah buku ini amat penting dan boleh dijadikan bahan dalam rujukan ilmiah.

Metodologi Tafsir Ibn Badran⁶

Sebagai seorang mufasirin Syeikh Abdul Qadir menggunakan kaedah yang tersendiri dalam mentafsir ayat al-Quran. Setiap ayat al-Quran yang beliau tafsirkan, beliau menggunakan kaedah tafsir Al-Ma'thur iaitu al-Quran dengan al-Quran, al-Quran dengan al-Sunnah, dan mengambil kata-kata daripada sahabat dan tabi'-tabiin, Asbab al-Nuzul, al-Qiraat dan beliau juga menggunakan kaedah tafsir Bi al-Ra'yi. Dalam kaedah tafsir Bi al-Ra'yi beliau mengambil berat tentang aspek bahasa dari sudut balaghah, nahu soraf, irab, al-syair dan sebagainya, supaya masyarakat lebih jelas, terang dan faham, kerana dengan bahasalah seseorang itu dapat menguasai ilmu dengan lebih luas. Beliau lebih berhati-hati supaya apa yang ditafsirkan tidak terpesong daripada kitab suci al-Quran yang diturunkan oleh Allah SWT.

Tafsir Bil Ma'thur

Tafsir Al-Ma'thur ialah tafsir yang berpegang pada riwayat dan sumber-sumber yang sahih iaitu dengan mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran, al-Quran dengan Hadith Rasulullah SAW, kata-kata sahabat atau pendapat para tabi' tabiin kerana tabiin menerima perkara tersebut daripada para sahabat.

⁴ Ibn Badran, Syeikh Abdul Qadir bin Ahmad Badran. 1420H/1999, hlm. 3.

⁵ Ibn Badran, Syeikh Abdul Qadir bin Ahmad Badran. 1420H/1999, hlm. 5.

⁶ Al-Syiddi. 'Adil bin Ali. 1431H/2010, hlm. 6-13.

Tafsir Al-Quran Dengan Al-Quran⁷

Tafsir al-Quran adalah metode yang pertama yang paling tepat dan terbaik dalam memahami ayat-ayat Allah SWT. Perkara yang terbaik dalam mentafsir al-Quran ialah al-Quran itu sendiri. Contoh ayat:

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ⁸

Maksudnya: Engkau sahaja (Ya Allah) yang kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan.

Beliau menjelaskan dengan ayat tersebut:

فَاعْبُدْهُ وَتَوَكَّلْ عَلَيْهِ وَمَا رَبُّكَ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ⁹

Maksudnya: sembahlah akan Dia serta berserahlah kepadaNya. Dan (ingatlah), Tuhanmu tidak sesekali lalai akan apa yang kamu lakukan.¹⁰

اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ¹¹

Maksudnya: Tunjukilah kami jalan yang lurus.

Beliau menjelaskan dengan ayat tersebut:

وَالَّذِينَ اهْتَدَوْا زَادَهُمْ هُدًى وَآتَاهُمْ تَقْوَاهُمْ¹²

Maksudnya: Dan (sebaliknya) orang-orang yang menerima petunjuk (ke jalan yang benar), Allah menambahi mereka dengan hidayah petunjuk,serta memberi kepada mereka (dorongan) untuk mereka bertaqwa.

Tafsir Al-Quran Dengan Al-Sunnah¹³

Metode ini berada pada kedudukan kedua dalam metode tafsir *al-ma'thur*. Hal ini kerana al-sunnah adalah penjelas kepada al-Quran. Al-sunnah mempunyai kaitan yang rapat dengan al-Quran.

Berikut adalah contoh ayat bagi tafsir al-Quran dengan al-sunnah:

وَلِلَّهِ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ فَأَيْنَمَا تُوَلُّوا فَثَمَّ وَجْهُ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ وَاسِعٌ عَلِيمٌ¹⁴

Maksudnya: Dan Allah jualah yang memiliki timur dan barat, maka kemana sahaja kamu arahkan diri (ke kiblat untuk menghadap Allah) maka di situlah arah yang diredhai Allah; sesungguhnya Allah Maha Luas (rahmatNya dan limpah kurniaNya), lagi sentiasa mengetahui.

Ibn Badran menjelaskan ayat tersebut dengan hadis sahih tentang solat sunat ketika musafir.

⁷ Ibn Badran, Syeikh Abdul Qadir bin Ahmad Badran. 1420H/1999, hlm. 39.

⁸ Al-Quran, al-Fatihah 1:5.

⁹ Al-Quran, Hud 11:123.

¹⁰ Al-Syiddi. Dr. 'Adil Bin 'Ali. 2010, hlm. 21. Adapun Ibn Badran tidak menyebut sesuatu pun daripada ayat ini. Tafsir Ibn Badran, hlm. 37.

¹¹ Al-Quran, al-Fatihah 1:6.

¹² Al-Quran, Muhammad 47:17.

¹³ Ibn Badran, Syeikh Abdul Qadir bin Ahmad Badran. 1420H/1999, hlm. 324.

¹⁴ Al-Quran, al-Baqarah 2:115.

حَدَّثَنَا مُسْلِمُ بْنُ أَبِرَاهِيمَ، قَالَ: حَدَّثَنَا هِشَامُ بْنُ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ: حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ أَبِي كَثِيرٍ، عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ، عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ: «كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي عَلَى رَاحِلَتِهِ، حَيْثُ تَوَجَّهَتْ فَإِذَا أَرَادَ الْفَرِيضَةَ نَزَلَ فَاسْتَقْبَلَ الْقِبْلَةَ».¹⁵

Maksudnya: Dari Jabir berkata; Rasulullah ﷺ solat di atas tunggangannya menghadap ke mana arah tunggangannya menghadap. Jika beliau hendak melaksanakan solat fardu, maka beliau turun lalu menghadap kiblat.

حَدَّثَنَا آدَمُ، حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي ذَنْبٍ، حَدَّثَنَا عُثْمَانُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ سُرَاقَةَ، عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ الْأَنْصَارِيِّ، قَالَ: «رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي غَزْوَةِ أَمَّارٍ يُصَلِّي عَلَى رَاحِلَتِهِ مُتَوَجِّهًا قِبَلَ الْمَشْرِقِ مُتَطَوِّعًا»¹⁶

Maksudnya: Dari Jabir bin Abdullah al-Ansari ia berkata; Pada saat perang Anmar, aku melihat Nabi ﷺ solat sunat di atas tunggangannya menghadap ke arah timur.

Tafsir Al-Quran Dengan Kata-Kata Sahabat Dan Tabiin¹⁷

Sahabat adalah orang yang paling dekat dan hidup sezaman dengan Nabi Muhammad SAW. Mereka mempunyai ingatan yang kuat dan daya hafalan yang hebat serta fasih dalam gaya bahasa Arab. Mereka mengumpulkan setiap kata-kata daripada Nabi Muhammad SAW dan menyampaikan pula kepada ummat selepasnya. Mereka juga mengetahui sebab musabab penurunan ayat, keadaan pada masa itu, dan mereka akan bertanyakan terus sesuatu perkara kepada nabi. Para sahabat juga merupakan golongan pertama yang berada pada tahap pertama dalam ilmu dengan tafsir. Antara 10 orang sahabat yang masyhur ialah khulafa ar-Rasyidin yang empat iaitu:¹⁸

1. Abu Bakar as-Siddiq.
 2. Umar al-Khattab.
 3. Usman bin Affan.
 4. Ali bin Abi Tabil.
- Dan ditambah 6 lagi iaitu:
5. Ibnu Mas'ud.
 6. Ibnu Abbas.
 7. Ubai bin Ka'ab.
 8. Zaid bin Thabit.
 9. Abu Musa al-Asha'ari
 10. Abdullah bin Zubair.

Tabiin mereka adalah orang yang hidup sezaman dengan para sahabat. Sekiranya tidak terdapat tafsiran dengan al-Quran atau sunnah atau kata-kata sahabat, maka kembalilah dengan kata-kata tabiin. Antaranya ialah Mujahid Bin Jabar, Said bin Jubair, Ikrimah Maula bin Abbas,

¹⁵ Al-Bukhari. Muhammad Bin Ismail Abu Abdullah. 1422M. *Sahih al-Bukhari*. Tahqiq: Muhammad Zuhair Bin Nasir. Jil. 1, hlm. 89. Kitab al-Solah. Bab: Tawajjuh Nahwu Qiblah Haisu Kana.

¹⁶ Al-Bukhari. Muhammad Bin Ismail Abu Abdullah. 1422M. *Sahih al-Bukhari*. Tahqiq: Muhammad Zuhair Bin Nasir. Jil. 5, hlm. 116. Kitab al-Maghazi, Bab: Peperangan Anmar.

¹⁷ Ibn Badran, Syeikh Abdul Qadir bin Ahmad Badran. 1420H/1999, hlm. 467-468.

¹⁸ Muhd Najib Abdul Kadir, Mashitah Ismail & Siti Mursyidah Mohd Zin (pnyt.). 2015. *Manhaj Tokoh-Tokoh Tafsir*. Bangi: Penerbit UKM. hlm. 49.

Atho' bin Abi Rubah, Hassan al-Basri, Said bin Musayyab dan lain-lain dalam kalangan tabi'in selepasnya.¹⁹ Contoh penafsiran Ibn Badran dalam tafsir sahabat dan tabi'in:

Perbezaan pada menghimpunkan kata-kata atau mentarjih kata-kata:

لَيْسَ الْبِرُّ أَنْ تُوَلُّوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ²⁰

Maksudnya: Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat.

Telah dinyatakan pada ayat ini tiga pendapat:

- 1) Diturunkan ayat ini kepada orang-orang mukmin.
- 2) Diturunkan kepada golongan Yahudi dan Nasrani.
- 3) Diturunkan kepada kedua-dua golongan ini. (pendapat ini menghimpunkan dua pendapat yang terdahulu iaitu ditujukan kepada orang Mukmin, Yahudi dan Nasrani).

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ²¹

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.

Ibn Badran mantafsirkan ayat ini mempunyai ikhtilaf dalam kalangan ahli ta'wil pada ayat (كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ) ayat ini mempunyai tasybih sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu? Pendapat lain mengatakan tasybih kembali kepada waktu berpuasa, bukan pada hari yang difardhukan berpuasa bagi kami. Sya'bi berkata: pendapat tersebut lemah kerana tasybih sesuatu dengan sesuatu memerlukan persamaan dalam perintah sesuatu perkara. Ikhtilaf pada (الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا) daripada mereka? al-Saddi berkata: Mereka ialah al-Nasara. al-Mujahid berkata: Mereka adalah Ahli kitab. Qatadah berkata: Manusia keseluruhannya. Mereka mentarjih dengan pendapat al-Mujahid iaitu Mereka adalah Ahli kitab.²² Ibn Badran berkata: ini adalah ikhtilaf para mufassirin dalam menentukan jenis pokok. Pendapat-pendapat tersebut adalah شجرة البر، الكرامة، والتينة. Dan sebenarnya kita tidak diminta untuk menentukan jenis pokok tersebut tetapi konteks kisah ini untuk menerangkan akibat melanggar perintah Allah (mendekati pokok itu). Dan dikatakan juga para mufassirin khilaf dalam menentukan bagaimana penciptaan hawa dan bagaimana di masukkan ke syurga dan selainnya. Semua itu di ambil daripada kisah Israiliyat. Waallahu'alam akan kebenarannya.²³

¹⁹ Muhd Najib Abdul Kadir, Mashitah Ismail & Siti Mursyidah Mohd Zin (pnyt.). 2015. *Manhaj Tokoh-Tokoh Tafsir*. Bangi: Penerbit UKM. hlm. 50.

²⁰ Al-Quran, al-Baqarah 2:177

²¹ Al-Quran, al-Baqarah 2:183

²² Al-Syiddi, Dr. 'Adil Bin 'Ali. 2010, *Manhaj Ibn Badran fi Tafsirihi Jawahir al-Akar wa Ma'adin al-Asrar*, hlm. 84.

²³ Al-Syiddi, Dr. 'Adil Bin 'Ali. 2010, *Manhaj Ibn Badran fi Tafsirihi Jawahir al-Akar wa Ma'adin al-Asrar*, hlm. 74.

Tafsir Bil Ra'yi Dalam Tafsir Ibn Badran

Sudut Bahasa Dalam Tafsir Ibn Badran²⁴

Tafsir Ibn Badran tidak lari dari menggunakan ilmu lughah dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran seperti ilmu balaghah, nahu dan 'irab, dan mengetahui asal kalimat. Contoh ayat dari segi pentafsiran ayat al-Quran yang sepadan dengan makna lughawi:

فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ²⁵

Maksudnya: Maka sesiapa di antara kamu yang sakit atau dalam musafir (bolehlah ia berbuka) kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari yang dibuka) itu pada hari-hari yang lain. Melalui ayat tersebut dijelaskan tentang keharusan berbuka kepada orang yang sakit dan bermusafir, kemudian wajib di ganti jumlah hari yang di tinggalkan pada waktu yang lain. Ibn Badran menyatakan orang yang sakit itu harus untuk berbuka berdasarkan apa yang dikatakan oleh ahli lughah berkenaan makna sakit. Akan tetapi para fuqahah khilaf dalam menentukan jenis sakit. Dan berkata Ibnu Duraid: Sakit, adalah apa yang berlawanan dengan sihat.²⁶

Permasalahan Fiqh Dalam Tafsir Ibn Badran²⁷

Syeikh Ibn Badran terkenal dengan ilmu yang dipelajari dalam bidang fiqh dan usul. Beliau telah menghasilkan pelbagai karya dalam bidang ini antaranya *al-Madkhal 'ila Mazhab Bin Hanbal* yang merupakan karyanya yang terkenal dalam mazhab Hanbali. Contoh tentang ayat hukum yang terkandung dalam firman Allah SWT:

وَلِلَّهِ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ فَأَيْنَمَا تُوَلُّوا فَتَمَّ وَجْهُ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ وَاسِعٌ عَلِيمٌ²⁸

Maksudnya: Dan Allah jualah yang memiliki timur dan barat, maka kemana sahaja kamu arahkan diri (ke kiblat untuk menghadap Allah) maka di situlah arah yang diredhai Allah; sesungguhnya Allah Maha Luas (rahmatNya dan limpah kurniaNya), lagi sentiasa mengetahui. Apa yang dimaksudkan di sini ialah kewajipan menghadap kiblat ketika menunaikan solat fardhu bukan solat nafilah berdasarkan hadis sahih.

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ: حَدَّثَنَا عَبْدُ الْأَعْلَى، قَالَ: حَدَّثَنَا مَعْمَرٌ، عَنِ الزُّهْرِيِّ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَامِرِ بْنِ رَبِيعَةَ، عَنْ أَبِيهِ، قَالَ: «رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي عَلَى رَأْسِهِ حَيْثُ تَوَجَّهَتْ بِهِ»²⁹

Ibn Badran menyatakan keharusan solat di atas tanggungan (tanpa menghadap kiblat) adalah solat nafilah bukan solat fardhu. Manakala, solat fardhu wajib dilakukan dengan menghadap kiblat.

²⁴ Ibn Badran. Syeikh Abdul Qadir bin Ahmad Badran. 1420H/1999, hlm. 504-505.

²⁵ Al-Quran, al-Baqarah 2:184.

²⁶ Al-Syiddi. Dr. 'Adil Bin 'Ali. 2010, *Manhaj Ibn Badran fi Tafsirih Jawahir al-Akar wa Ma'adin al-Asrar*, hlm. 97.

²⁷ Ibn Badran. Syeikh Abdul Qadir bin Ahmad Badran. 1420H/1999, hlm. 324-326.

²⁸ Al-Quran. al-Baqarah 2:115.

²⁹ Al-Bukhari. Muhammad Bin Ismail Abu Abdullah. *Sahih al-Bukhari*. 1422M. Sahih al-Bukhari. Tahqiq: Muhammad Zuhair Bin Nasir. bab Taqsiru al-solat.

Permasalahan Aqidah Dalam Tafsir Ibn Badran³⁰

Ibn Badran adalah mufassir daripada ulama yang bermazhab salaf. Beliau telah menyatakan aqidahnya adalah salaf dalam muqaddimah karya beliau *al-Madkhal ila Mazhab al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Ibn Badran telah menukilkan tentang mengesakan Allah yakni ikhlas dalam beribadah hanya kerana Allah, tidak harus melaksanakan ibadah selain kerana Allah. Contoh ayat yang berkaitan adalah:

وَمَا أُهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ³¹

Maksudnya: Dan binatang-binatang yang di sembelih tidak kerana Allah.

Kata Ibn Badran: Maknanya – Wallahu a'lam – apa yang di sembelih untuk selain Allah yakni untuk berhala-berhala. Imam Syafie ada menukilkan di dalam kitabnya (الروض): Sesungguhnya Muslim itu apabila ia sembelih untuk nabi maka kafirlah ia. Kesimpulannya, menggunakan selain nama Allah untuk menyembelih haiwan adalah suatu yang membelakangkan Allah. Ia merupakan seperti perbuatan menyekutukan Allah dengan makhluk yang lain.³²

Tafsir Ilmi Dalam Tafsir Ibn Badran³³

Apa yang jelas, Ibn Badran merupakan ulama yang di kenali dalam bidang tafsir ilmi kerana beliau banyak menafsirkan ayat-ayat al-Quran dengan ayat-ayat yang bersifat saintifik. Tafsir ilmi merupakan ijhtihad para mufassir dalam menyingkap hubungan antara ayat-ayat al-Quran dan kaitannya dengan ilmu sains. Contoh ayat yang berkaitan dengan penciptaan bumi.

الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ الْأَرْضَ فِرَاشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً³⁴

Maksudnya: Dialah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya) dan diturunkanNya air hujan dari langit. Ulama khilaf dalam menentukan penciptaan bentuk bumi dan permukaannya dan tidak mentarjhikan sesuatu pun darinya.³⁵

Qiraat Dalam Tafsir Ibn Badran³⁶

Pentafsiran ayat-ayat al-Quran bertambah mantap apabila aspek *Qiraat* turut diberi perhatian. Menerusi Qiraat ayat-ayat al-Quran ditafsir dan ditakwil. Tafsir dan Qiraat dilihat saling berkaitan, tetapi mempunyai fungsi yang berbeza. Ia saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. Kepentingan ilmu Qiraat dalam bidang tafsir amat jelas kerana perselisihan dari sudut qiraat memberikesan kepada beberapa aspek lain, khususnya terhadap aspek hukum. Contoh Qiraat pada ikhtilaf makna dengan ikhtilaf bacaan:

³⁰ Ibn Badran. Syeikh Abdul Qadir bin Ahmad Badran. 1420H/1999, hlm. 460.

³¹ Al-Quran. al-Baqarah 2:173.

³² Al-Syiddi. 'Adil bin Ali. 1431H/2010. *Manhaj Ibn Badran fi Tafsirih Jawahir al-Akar wa Ma'adin al-Asrar*, hlm. 137-138.

³³ Ibn Badran. Syeikh Abdul Qadir bin Ahmad Badran. 1420H/1999, hlm. 95-96.

³⁴ Al-Quran. al-Baqarah 2:22.

³⁵ Al-Syiddi. 'Adil bin Ali. 1431H/2010. *Manhaj Ibn Badran fi Tafsirih Jawahir al-Akar wa Ma'adin al-Asrar*, hlm. 150.

³⁶ Ibn Badran, Syeikh Abdul Qadir bin Ahmad Badran. 1420H/1999, hlm. 73.

فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ³⁷

Maksudnya: Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka; dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran).

Ibn Badran: Dalam ayat ini beliau menyatakan perkataan (يَكْذِبُونَ) dibaca dengan baris atas pada Ya' dan sukun pada huruf Kaf. Manakala, Ahli Kufah, Ahli Madinah, Hijaz dan Basrah membaca dengan baris hadapan pada huruf Ya' dan baris atas pada huruf Kaf (يَكْذِبُونَ).³⁸

Pendirian Ibn Badran Dalam Periwiyatan Israiliyyat³⁹

Ibn Badran jelas menolak riwayat-riwayat Israiliyyat yang dimasukkan oleh para mufassir dalam tafsir mereka. Beliau menolak riwayat-riwayat yang aneh, ajaib, dan khurafat yang tidak benar dan tidak masuk akal atau yang nampak jelas tidak sah sesuatu cerita tersebut dalam tafsir.

Contoh ayat beliau menolak khabar yang tidak ada bukti:

Para mufassirin khilaf dalam menentukan jenis pokok.

وَقُلْنَا يَا آدَمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ وَكُلَا مِنْهَا رَغَدًا حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا تَقْرَبَا هَذِهِ الشَّجَرَةَ فَتَكُونَا مِنَ الظَّالِمِينَ⁴⁰

Maksudnya: Dan kami berfirman: "Wahai Adam! Tinggalah engkau dan isterimu dalam syurga, dan makanlah dari makanannya sepuas-puasnya apa sahaja kamu berdua suka, dan janganlah kamu hampiri pokok ini; (jika kamu menghampirinya) maka akan menjadilah kamu dari golongan orang-orang yang zalim. Ibn Badran berkata: ini adalah ikhtilaf para mufassirin dalam menentukan jenis pokok. Pendapat-pendapat tersebut adalah شجرة البر، الكرامة، والتينة. Dan sebenarnya kita tidak diminta untuk menentukan jenis pokok tersebut tetapi konteks kisah ini untuk menerangkan akibat melanggar perintah Allah (mendekati pokok itu). Dan dikatakan juga para mufassirin khilaf dalam menentukan bagaimana penciptaan hawa dan bagaimana di masukkan ke syurga dan selainnya. Semua itu di ambil daripada kisah Israiliyyat. Waallahu'alam akan kebenarannya.⁴¹

Kelebihan Dan Kekurangan Tafsir Badran

Kelebihan Tafsir Badran

1. Penafsiran yang ringkas tetapi masih boleh difahami.
2. Mengemukakan sebab penurunan sesuatu ayat bagi memberikan kefahaman yang lebih mendalam tentang ayat tersebut.
3. Mendahulukan *Tafsir Bil Mathur* berbanding dengan *Tafsir Bil Ra'yi*.

³⁷ Al-Quran, al-Baqarah 2:10.

³⁸ Al-Syiddi. Dr. 'Adil Bin 'Ali. *Manhaj Ibn Badran fi Tafsirihi Jawahir al-Akar wa Ma'adin al-Asrar*, 2010, hlm. 33.

³⁹ Ibn Badran. Syeikh Abdul Qadir bin Ahmad Badran. 1420H/1999, hlm. 172-173.

⁴⁰ Al-Quran, al-baqarah 2:35.

⁴¹ Al-Syiddi. 'Adil bin Ali. *Manhaj Ibn Badran Fi Tafsirihi*, 2010, hlm. 74.

Kekurangan Tafsir Badran

1. Hanya mentafsirkan dua buah surah sahaja iaitu al-Fatihah (semua ayat) dan al-Baqarah (1-189).⁴²
2. Sukar untuk dijadikan bahan rujukan kerana kitab tafsirnya terhad kepada dua buah surah sahaja berbanding kitab tafsir yang lain.⁴³

Kesimpulan

Setelah di kaji dan di teliti pengkaji mendapati bahawa kitab *Jawahir Al-Afkar wa Ma'adin Al-Asrar* ini merupakan kitab yang tafsir yang menarik untuk di baca dan di fahami. Ini kerana penafsiran yang di buat kebanyakannya berasaskan *tafsir bil ma'thur* yang mana sanadnya bersambung kepada nabi Muhammad ﷺ. Ibn Badran mendahulukan *tafsir bil ma'thur* berbanding *tafsir bil ra'yi*. Sebagaimana tafsir yang lain, manhaj yang di gunakan Ibn Badran dalam sandaran tafsirnya adalah mengikut turutan dan susunan yang teratur. Beliau menafsirkan sesuatu ayat dengan al-Quran kemudian hadis nabi pandangan sahabat dan tabiin. Sesuatu yang menarik dalam tafsir ini adalah mengenai khilaf bacaan qiraat dan beliau menolak periwayatan israiliyyat. Beliau tidak menerima periwayatan ini seperti yang banyak di riwayatkan di dalam kitab-kitab tafsir yang lain. Kemudian, beliau menggunakan kaedah *tafsir bil ra'yi* setelah mendahulukan manhaj *tafsir bil ma'thur*. Beliau mengemukakan dari sudut bahasa, fiqh, aqidah dan tafsir ilmi di dalam karyanya. Maka, sebagai penutup kepada kajian ini, kitab tafsir ini padat dengan pelbagai ilmu walaupun hanya mentafsirkan dua buah surah sahaja.

⁴² Ibn Badran, Syeikh Abdul Qadir bin Ahmad Badran. 1420H/1999, hlm. 3.

⁴³ Ibid, hlm. 3.

Rujukan

- Al-Quran al-Karim.
- Ahmad Qudamah. 1385H/1965. *Ma'alim wa A'alam fi Biladi 'Arab*. Jil.1. Damsyiq: Al-Adib.
- Al-'Ajmi, Muhammad bin Nasir. 1417H/1996. *'Allamatu al-Syam Abdul Qadir bin Badran al-Dimashqi Hayatuhu wa Atharuhu*. Edisi Pertama. Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiah.
- Al-Baitar, Abdul Razaq bin Hasan. t.th. *Hilyatu al-Bashar fi al-Tarikh al-Qarni al-Thalathata 'Ashr*. t.tp: t.pt.
- Al-Bukhari. Muhammad Bin Ismail Abu Abdullah. 1422M. *Sahih al-Bukhari*. Tahqiq: Muhammad Zuhair Bin Nasir. Edisi Pertama. t.tp: Darul Thuq Al-Najah.
- Al-Syiddi, 'Adil bin Ali. 1431H/2010. *Madkhal ila Dirasat Tafsir Ibn Badran Jawahir al-Akar wa Ma'adin al-Asrar*. Edisi Pertama. Riyadh: Madaralwatan.
- Al-Syiddi, 'Adil bin Ali. 1431H/2010. *Manhaj Ibn Badran fi Tafsirihi Jawahir al-Akar wa Ma'adin al-Asrar*. Edisi Pertama. Riyadh: Madaralwatan.
- Ibn Badran, Syeikh Abdul Qadir bin Ahmad Badran. 1420H/1999. *Jawahir al-Afkar wa Ma'adin al-Asrar al-Mustakhrajah min Kalami al-'Aziz al-Jabbar*. Tahqiq: Zuhair al-Syawish. Edisi Pertama. Beirut:al-Maktab al-Islami.
- Ibn Badran, Syeikh Abdul Qadir bin Ahmad bin Mustafa. t.t.h. *Al-Madkhal ila Mazhab al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah.
- Muhd Najib Abdul Kadir, Mashitah Ismail & Siti Mursyidah Mohd Zin (pnyt.). 2015. *Manhaj Tokoh-Tokoh Tafsir*. Bangi: Penerbit UKM.
- Nuruddin Talib. 1428H/2007. *Diwan al-Imam Abdul Qadir bin Badran al-Musamma bi Tasliyatu al-Labib 'an Dzikra Habib*. Edisi Pertama. Syria: Dar al-Nawader.
- Umar Ridha Kahalah. 1377H/1958. *Mu'jam al-Muallifin*. Jil.5. Damsyiq: al-Maktabah al-'Arabiah.